

LANG BOOT
Booted Eagle

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Hieraeetus pennatus*

CIRI-CIRI

Secara relatif, individu dewasa morfisme pudar adalah kecil dengan bahagian atas kepala yang pudar, bahagian tepi kepala gelap dan bahagian bawah badan yang putih. Semasa terbang, dapat dilihat bulu pahat bawah sayap yang berwarna putih dan bulu primer pudar dengan bahagian bawah sayap hitam. Bahagian bawah ekor kelabu dengan jalur sub-terminal gelap pada tengah ekor. Individu dewasa morfisme gelap pula mempunyai kepala dan badan yang coklat gelap seragam. Individu dewasa morfisme kemerahan pula mempunyai kepala, badan dan bulu pahat bawah sayap yang kemerahan. Individu juvenil sama seperti individu dewasa tetapi mempunyai tanda putih yang jelas pada ekor dan sayap. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 50 sm-57 sm.

MAKANAN

Kebanyakannya adalah pemangsa dan ada juga yang memakan bangkai. Dietnya terdiri daripada mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan, ketam, moluska dan serangga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan terbuka dan kawasan hutan, kawasan pertanian dan kawasan tanah pamah.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *ki-ki-ki* yang jelas atau *kee-kee-kee-kee...* yang panjang.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.